



20 SEP, 2021

Ekonomi jalanan beri ruang peniaga kecil bertahan

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Ekonomi jalanan beri ruang peniaga kecil bertahan

Oleh Siti Mariam Ali
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Jabatan Ekonomi,
Fakulti Pengurusan
Dan Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Melaka

Kita sering dimomokkan stigma negatif peniaga kecil-kecilan tidak cukup sumber kewangan, miskin, tidak teratur dan berlesen serta kurang bersih.

Namun, gerai sebegini memiliki kesan besar kepada ekonomi yang turut dikenali ekonomi jalanan, iaitu aktiviti pertukaran barangan atau perkhidmatan biasanya dijalankan di kawasan awam, tepi jalan, kaki lima atau sudut kecil tertentu, premis sementara atau kawasan kejiranan.

Termasuk seniman jalanan membuat persembahan di laluan tumpuan rakyat dan pelancong asing. Ekonomi jalanan ialah jalan pintas kepada sebahagian masyarakat B40, kumpulan rentan, individu diberhentikan kerja akibat pandemik COVID-19 atau golongan mencari pendapatan tambahan.

Diakui, aktiviti ekonomi ini bermula modal rendah, tempoh perniagaan pendek dan bilangan peniaga tidak ramai tetapi mampu memberi peluang pekerjaan serta pendapatan tambahan.

Dua tahun kebelakangan ini, masyarakat dunia

berdepan pandemik COVID-19 menjejaskan ekonomi global keseluruhan dan mengakibatkan rakyat kesempatan wang.

Laporan Statistik Tenaga Buruh (2020) melaporkan 610,000 penganggur di negara ini yang belum menunjukkan sebarang pengurangan signifikan hingga hari ini. Terjejas teruk dengan krisis kesihatan, banyak syarikat besar terpaksa gulung tikar, manakala pekerja diberhentikan hingga hilang sumber pendapatan.

Namun, rata-rata masyarakat memiliki kemahiran boleh diketengahkan atau digunakan untuk menjana pendapatan. Tanpa menunggu bantuan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau persendirian, ramai memberanikan diri berniaga untuk kelangsungan hidup.

Walaupun ekonomi jalanan tidak mampu menyumbang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau pendapatan negara, aktiviti ekonomi jalanan ini sangat signifikan dalam mengekalkan kebolehpasaran kemahiran dimiliki dan menggalakkan kuasa beli dalam masyarakat, selain mencipta simbiosis perniagaan sangat positif.

Negara seperti China dan Singapura mengintegrasikan konsep ekonomi jalanan dalam perancangan bandar. Ekonomi jalanan mereka menjadi lokasi tumpuan pelancong luar negara kerana kepelba-

gaian produk tempatan murah, unik dan bernilai estetika tersendiri.

Penguasaan ekonomi dapat dicipta untuk golongan defisit ini dalam masyarakat. Ia akan lebih berkesan dengan campur tangan kerajaan dan perhatian khusus pihak berkuasa tempatan (PBT). Kerajaan perlu memberi kelulusan tempat untuk perniagaan dijalankan, bantuan asas sebagai modal permulaan, bimbingan perniagaan melalui agensi dan bantuan pemasaran di media.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) antara agensi penting dalam membantu kelestarian ekonomi jalanan lebih mampan. Secara dasarnya, ia ditubuhkan untuk memecahkan kuasa monopoli orang tengah terhadap produk keluaran petani dan nelayan tempatan.

Ini bermakna, ekonomi jalanan secara langsung memberi ruang kepada petani dan nelayan untuk terus memasarkan produk sendiri di pasaran dengan harga lebih murah serta menjana keuntungan langsung.

Ekonomi jalanan diumpamakan projek rintis atau inkubator sangat praktikal kerana melatih peniaga kecil untuk terus bertahan dalam ekonomi dan menghasilkan perniagaan berskala besar dalam jangka panjang.



20 SEP, 2021

Ekonomi jalanan beri ruang peniaga kecil bertahan

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UITM) Melaka

Kita sering dimomokkan stigma negatif peniaga kecil-kecilan tidak cukup sumber kewangan, miskin, tidak teratur dan berlesen serta kurang bersih. Namun, gerai sebegini memiliki kesan besar kepada ekonomi yang turut dikenali ekonomi jalanan, iaitu aktiviti pertukaran barangan atau perkhidmatan biasanya dijalankan di kawasan awam, tepi jalan, kaki lima atau sudut kecil tertentu, premis sementara atau kawasan kejiranan.